

22hb. Januari, 1976.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1976.

Penjelasan terhadap borang-borang baharu bagi menyediakan Kertas-kertas Tamat Perkhidmatan.

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1975](#) bertarikh 14hb. April, 1975 mengenai borang-borang baharu bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan.

2. Tujuan Surat Pekeliling ini ialah bagi menjelaskan kedudukan tiga jenis borang-borang baharu berkenaan iaitu Pen. 1 (PERMOHONAN FAEDAH-FAEDAH PERSARAAN/ELAUN KECEDERAAN/PENCEN TANGGUNGAN); pen. 11 (OPSYEN DI BAWAH PERATURAN 16 dan 16A, PERATURAN-PERATURAN PENCEN 1957) dan Pen. 14 (BAYARAN PENCEN) yang masing-masing menggantikan borang-borang lama Kew. 100, kew. 144 dan kew. 60 yang digunakan dahulunya. Adalah difahamkan bahawa stok tiga jenis borang-borang lama berkenaan masih banyak lagi disimpan di Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, dan untuk mengelakkan pembaziran, Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan bolehlah terus menggunakan borang-borang lama berkenaan sebagai ganti borang-borang baharu itu sehinggalah simpanan borang-borang lama tersebut habis. Pesanan bagi semua bekalan borang-borang baharu bagi menyediakan kertas-kertas tamat perkhidmatan termasuk tiga jenis borang-borang lama berkenaan hendaklah dibuat terus kepada Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(CLEMENT Y.M. HON)
Bahagian Pencen
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan
Negeri.

Semua Ketua-ketua Jabatan Negeri.